



Dua banduan dakwa kena liwat

BERITA HARIAN 26/3/17 M/S 64

Ipoh: Polis menerima laporan daripada dua banduan di Penjara Taiping Khamis lalu, mendakwa diliwat banduan lain di penjara berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perak, Datuk Gan Tian Kee, (**gambar**) berkata laporan itu diterima masing-masing pada jam 4.54 petang dan 5.22 petang.

Katanya, kedua-dua banduan berusia 23 dan 27 tahun itu mendakwa diliwat banduan lain di dalam penjara berkenaan.

Dua suspek banduan

“Dua suspek yang dikenal pasti adalah banduan, justeru polis tidak perlu menahan reman kedua-dua mereka kerana sudah berada dalam penjara.

“Pegawai penyiasat sedang melengkapkan siasatan sebelum kertas siasatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwaraya,” katanya selepas Perhimpunan Memperingati Hari Polis ke-210 di Pekarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak, di sini, semalam.

Tian Kee berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan.